

Konvokesyen Mini SMK Merpati iktiraf pencapaian pelajar



Oleh YUSOP TEPPU

armie_bp@yahoo.co.uk

UB 06/11/2011 A5

SANDAKAN: Majlis Konvokesyen Mini Sekolah Menengah Kebangsaan Merpati telah dirasmikan oleh Dekan Sekolah Pertanian Lestari, UMS Kampus Sandakan, Prof

PENYAMPAIAN SIJIL CEMERLANG...Mahmud menyampaikan sijil cemerlang pada salah seorang pelajar sambil diperhatikan oleh Sani.

Madya Dr Mahmud Sudin, di Dewan Sri Gemilang sekolah itu kelmarin.

Mahmud yang mewakili Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) turut mengalu-alukan lepasan sekolah itu untuk meneruskan pengajian di UMS khususnya di kampus Sekolah Pertanian yang menawarkan pelbagai jurusan yang berkaitan dengan bidang pertanian dan penternakan.

Beliau berkata, prospek bidang itu amat luas dan banyak memberi peluang pekerjaan kepada golongan

muda masa kini.

sementara itu, Pengetua SMK Merpati, Sani Sahwi melahirkan rasa bangga dengan pencapaian cemerlang sekolah itu dalam bidang pentadbiran, kurikulum dan kokurikulum.

"Antara pencapaian itu ialah Anugerah Pengurusan Kewangan Terbaik 2009, johan kebangsaan Futsal sekolah-sekolah angkat Pintar MAS tahun 2010, dan johan kebangsaan Pertandingan Raket Air dan Robotek di SM Sains

Selangor," katanya.

Beliau berharap kecemerlangan itu diteruskan dan ditingkatkan lagi untuk membakar semangat dan kebanggaan kepada warga sekolah.

Dalam pada itu, penyelar majlis, Madehura Mohd Arif memberitahu seramai 118 pelajar Tingkatan 5 telah terlibat dalam majlis yang gilang gemilang itu.

"Antara objektif majlis ini ialah mengiktiraf pencapaian cemerlang pelajar Tingkatan 5 dalam peperiksaan, memberi penghargaan

kepada pelajar yang telah menyumbang kepada sekolah serta sebagai dorongan dan galakan kepada pelajar Tingkatan 5 untuk mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM kelak," katanya.

Antara pengisian pada majlis itu ialah penyampaian sijil penghargaan kepada ahli jawatankuasa tertinggi persatuan dan kelab (kokurikulum) yang diwakili oleh para pengerusi kelab selain persembahan sajak dan nasyid oleh pelajar-pelajar.